



# MEMORANDUM



**No. Ruj:** KKTP:

**Kepada:**

Tim. Setiausaha Tetap I  
Tim. Setiausaha Tetap II  
Semua Ketua Bahagian  
Kem. Kerajaan Tempatan & Perumahan,  
**KOTA KINABALU.**

**Daripada:**

Ketua Akauntan  
Bahagian Akaun,  
Kem. Kerajaan Tempatan & Perumahan,  
**KOTA KINABALU.**

**Tarikh:** 11 September 2020

## **TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN KEWANGAN BAGI TUJUAN PEMBAYARAN ATAU PELARASAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Memorandum ini dikeluarkan selaras dengan pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 8/2020 mengenai Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2020 yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>,

3. Bagi memastikan Jadual Penutupan Akaun Tahun 2020 yang ditetapkan oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah dapat dipatuhi, Bahagian Akaun, KKTP menetapkan bahawa tarikh akhir penerimaan dokumen kewangan daripada setiap pejabat Bahagian, KKTP untuk proses pembayaran atau pelarasan bagi Tahun Kewangan 2020 adalah seperti berikut:

**Perbelanjaan Pengurusan (bulan November 2020) - 01 Disember 2020 (Selasa)**

**Perbelanjaan Pengurusan (bulan Disember 2020) - 18 Disember 2020 (Jumaat)**

**Perbelanjaan Akaun Amanah (bulan November 2020) - 03 Disember 2020 (Khamis)**

**Perbelanjaan Akaun Amanah (bulan Disember 2020) - 03 Disember 2020 (Khamis)**

**Jurnal Pelarasan Penyelesaian AP. 54 - 10 Disember 2020 (Khamis)**

4. Dokumen kewangan yang dihantar lewat daripada tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Pejabat Bahagian boleh menghantar semula dokumen kewangan berkenaan selepas **15 Januari 2021** untuk proses pembayaran dalam Tahun Kewangan 2021 di bawah AP. 58(a).

No. Ruj: KKTP:  
Tarikh: 11 September 2020

---

5. Sehubungan dengan itu, pejabat ini sukacita memohon kepada semua Ketua Bahagian supaya memberi kerjasama dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing seperti berikut:

5.1 Mengambil maklum bahawa baucar bayaran yang boleh dikemukakan ke JBNS pada 01 Disember 2020 hanyalah perbelanjaan bagi bulan November 2020. Oleh itu, Ketua Bahagian hendaklah memastikan semua pembelian barangan atau perkhidmatan dan semua tuntutan bayaran sepanjang tempoh Januari hingga Oktober tahun 2020 dikemukakan segera ke Bahagian Akaun untuk proses penyediaan baucar bayaran supaya penghantaran baucar dapat dibuat dalam bulan November 2020. Sila sertakan surat penjelasan untuk AP. 100 dan AP. 103 bagi tuntutan yang terlibat dengan peraturan ini untuk kelancaran proses penyediaan baucar bayaran.

5.2 Memastikan tiada pembelian barangan atau perkhidmatan yang dibuat pada saat-saat akhir kecuali perkara-perkara yang mendesak. Adalah diingatkan bahawa tidak ada jaminan bahawa baucar bayaran dapat disediakan dan dihantar ke JBNS bagi tuntutan pembayaran yang dikemukakan di saat-saat akhir tarikh penghantaran baucar bayaran.

5.3 Memastikan semua dokumen sokongan adalah lengkap dan teratur sebelum menghantar ke Bahagian Akaun supaya proses penyediaan dan penghantaran baucar bayaran ke JBNS dapat berjalan lancar.

5.4 Memastikan semua surat-surat berkaitan perakaunan khususnya Akaun Pendahuluan Diri dihantar segera ke Bahagian Akaun supaya pelarasan dapat diambil tindakan dengan segera.

6. Kerjasama semua pihak ke atas perkara ini amatlah diharapkan demi memastikan semua pembayaran untuk perbelanjaan yang telah dibuat dalam Tahun Kewangan 2020 dapat diselesaikan.

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**

**(JEANIE LIEW)**

s.k. Ybhg. Datuk SUT

Fail.

JL/jet